



06 JUN, 2025

Malaysia kekal medan utama pelaburan huluan, nyahkarbon dan peralihan tenaga



Sinar Harian, Malaysia

Malaysia kekal medan utama pelaburan huluan, nyahkarbon dan peralihan tenaga

KUALA LUMPUR - Malaysia dijangka kekal sebagai medan utama untuk pelaburan dalam sektor minyak dan gas, terutamanya dalam aktiviti huluan, nyahkarbon dan projek peralihan tenaga, kata BMI Country Risk and Industry Research (BMI).

Firma Fitch Solutions Group melalui satu kenyataan menjangkakan bahawa sektor huluan di Asia akan kekal teguh, memacu pertumbuhan perbelanjaan modal (Capex) untuk aktiviti penerokaan dan pengeluaran.

"Walaupun persekitaran harga minyak dan gas adalah lebih rendah, majoriti perbelanjaan modal akan

terus memberi tumpuan kepada penerokaan dan pengeluaran huluan," katanya.

Menurut BMI, Petronas Carigali Sdn Bhd dijangka akan mengekalkan perbelanjaan modal yang stabil iaitu lebih kurang RM50 bilion untuk 2025 berdasarkan keperluan pelaburan ke atas beberapa projek medan minyak pasca gerudi dan baharu sepanjang 2025 hingga 2027.

Dalam segmen huluan, Petronas merancang untuk meningkatkan penggerudian telaga, menaikkan jumlah telaga dari 56 pada 2024 kepada 73 telaga menjelang 2025.

"Pada 2024, Petronas mendaratangani 14 kontrak perkongsi-an pengeluaran (PSC) dengan syarikat-syarikat tempatan dan asing selain memegang kepentingan ekuiti dalam PSC tertentu," katanya.

BMI berpendapat bahawa keperluan modal untuk projek luar negara dijangka bertambah sejak syarikat itu memperoleh blok minyak dan gas baharu untuk diterokai di Suriname pada 2024.

"Petronas telah memeterai perjanjian untuk aset huluan di Angola, Indonesia, Brazil, UAE dan Oman," katanya. - Bernama